



ANGGOTA Pasukan Siswa APM UMSKAL ceria memikul tanggungjawab kesukarelawan.

Perhimpunan Bulanan APM Labuan *berlangsung dengan jayanya*

UB 27.3.2018 A7

LABUAN: Majlis Perhimpunan Bulanan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan berlangsung dengan jayanya di Dewan Kuliah Utama Institut Latihan Perindustrian Labuan (ILP Labuan).

Majlis itu disempurnakan Timbalan Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Negeri Wilayah Persekutuan Lt Kol (PA) Mohd Zahri Abdul Aziz.

Dalam ucapannya, Zahri menyeru semua warga APM Labuan agar memartabatkan APM ke arah sebuah

organisasi berprestasi tinggi, diberkati dan mencapai matlamatnya untuk terus memberi perkhidmatan dengan cemerlang.

“Selaku sekretariat pengurusan bencana dan keselamatan di Labuan, warga APM perlu memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam menyumbang bakti dengan seikhlas hati bagi kesejahteraan rakyat dan negara,” katanya.

Jelas beliau, warga APM juga perlu mengekalkan kesiapsiagaan pada tahap tertinggi dan sentiasa peka terhadap apa jua kemungkinan

bencana atau kejadian yang melanda.

Pada majlis itu, Zahri turut menyampaikan sumbangan Dana Kasih Sayang Pertahanan Awam (Daspa) kepada seorang anggota APM yang terpilih iaitu Lans Koperal (PA) Mohamad Abdullah.

Beliau juga menyampaikan sijil penghargaan kepada Pegawai Bersekutu Pasukan Siswa APM Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Lt Kol (PA) Profesor Madya Dr Hj Norazah Mohd Suki dan Pengarah ILP Labuan Abdullah Muhamad atas jasa khidmat bakti terhadap program latihan APM di institusi itu.

Beberapa bentuk penghargaan juga diberikan kepada warga APM WP Labuan yang cemerlang seperti Anugerah Pekerja Terbaik Bulanan, sijil penghargaan kepada Anggota Skim Keselamatan dan Pertahanan, Anggota Skim Gunasama Perkeranian, Anggota Sukarela Tugas Pejabat, Anggota Sukarela Tugas Operasi dan Anggota Sukarela Pertahanan Awam.

Turut hadir ialah Pegawai Pertahanan Awam Daerah Wilayah Persekutuan Labuan Mejar (PA) Zico Sual.